

19/09/2001

Akuatik rampas status elit daripada olahraga

Halmi Samad

SELEPAS beberapa dekad olahraga menjadi penyumbang pingat emas terbanyak buat Malaysia di Sukan Sea, status elit itu kini milik mutlak akuatik yang menghadihkan 19 emas pada temasya dwitahunan, berakhir kelmarin.

Akuatik - satu-satu acara yang melepasi jauh sasaran Majlis Sukan Negara Negara (MSN) dan Kesatuan Renang Amatur Malaysia (Asum) - iaitu lebih 110 peratus daripada ketetapan awal.

Paling menarik, ia turut muncul penyumbang emas kedua terbanyak kepada sesuatu negara sepanjang temasya dwitahunan itu, ketinggalan hanya tiga emas di belakang skuad olahraga Thailand.

Skuad akuatik Kuala Lumpur 2001 juga mengatasi pencapaian 7 emas 3 perak dicapai di Bandar Seri Begawan, Brunei dua tahun lalu, sehingga mendapat pujian peribadi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, Perdana Menteri selepas majlis penutup Sukan Sea di Stadium Nasional Bukit Jalil, kelmarin menasihati semua persatuan sukan di negara ini meniru kaedah diguna Asum.

Bagaimanapun, Asum tidak seharusnya mendabik dada, sebaliknya harus segera mencari pengganti beberapa calon '100 peratus pasti menang emas', khususnya Elvin Chia yang berkeras melambai salam perpisahan.

Chia, perenang kebanggaan negara yang berasal dari Sandakan, Sabah dilaporkan mahu memperkukuh masa depannya dalam bidang lain, selepas Sukan Sea kerana menyifatkan usia 24 terlalu tua untuk renang.

Bagaimanapun, kalau pemenang tiga pingat emas itu, termasuk dua menerusi acara kegemarannya - 100 dan 200 kuak dada, merenung sejenak kenyataan legenda Indonesia, dia pasti terjun semula ke kolam di Vietnam 2003 kelak.

Sam Bera, 30, penyumbang tetap emas untuk Indonesia sejak Filipina 1991 bukan saja keberatan bersara, malah memecah rekod 50m gaya bebas milik Ang Peng Siong pada hari terakhir penyertaannya di kolam.

Asum juga harus terus meyakinkan MSN mengekalkan beberapa perenang berlatih di Amerika Syarikat, termasuk Alex Lim Keng Liat, Anthony Ang dan Allen Ong.

Ong, anak jati Ipoh, punya masa depan yang cerah mendominasi acara 50, 100 dan 200m gaya bebas di Vietnam, sesudah Sam Bera mengesah tidak lagi bertanding selepas ini.

Pada masa sama, Asum mesti memberi perhatian seimbang untuk skuad terjunan dan renang berirama yang memperagakan kekuatan total dengan menyapu bersih semua pingat dipertandingan.

Hajat Yeoh Ken Nee, yang sudahpun mendapat biasiswa Universiti Minnesota, Amerika untuk memperkaya dan mempelbagaikan teknikal terjunan, mesti disokong padu.

Ken Nee yang bergandingan dengan Mohamed Azheem Bahari dan Rosharissham Roslan berkata: "Saya perlu menyesuaikan diri dengan teknikal mereka berdua. Jadi, saya akan cari rahsia ini di Amerika. Saya pasti menjadi penerjun yang sangat berkualiti andainya dapat memahami teknik terjunan Mohamed Azheem dan Rosharissham."

Skuad terjunan diramal akan terus bermaharajalela di Vietnam nanti kerana barisan sekarang - Ken Nee, Mohamed Azheem, Rosharissham, Leong Mun Yee; Rosatimah Muhammad dan Low Lap Bun - tampak tiada tandingan.

Asum juga mesti menghantar Suzanna Ghazali Bujang dan Sara Kamil Yusuf, bertanding di Sukan Asia, Komanwel dan Olimpik supaya ketuanan mereka di Sukan Sea, tidak tercabar sama sekali.

(END)

